

**Beri maklumat tepat pada Bancian 2010**  
**Malaysiakini.com**  
**June 29, 2010**

Hari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 akan bermula pada 6 Julai hingga 22 Ogos dengan melibatkan kos RM200 juta.

Sehubungan itu, Ketua Perangkawan dan Pesuruhjaya Banci, Datuk Wan Ramlah Wan Abd Raof meminta rakyat bekerjasama dengan memberikan maklumat tepat.

Katanya dengan maklumat tepat, ia memudahkan kerajaan membuat perancangan demi kesejahteraan semua pihak.

Wan Ramlah berkata maklumat tepat yang diperoleh semasa bancian akan memberi kesan baik untuk perancangan masa hadapan.

"Mungkin orang ramai tidak nampak sekarang manfaatnya namun ia akan dapat dilihat apabila mereka menikmatinya pada masa hadapan. Umpamanya kita menikmati jalan raya, kemudahan-kemudahan awam, air dan sebagainya sekarang adalah berdasarkan bancian lalu.

"Sebab itulah apabila kerajaan hendak membuat suatu perancangan atau dasar, mereka memerlukan maklumat lebih terperinci, contoh kalau nak buat sekolah di sesuatu daerah penggubal atau perancang mesti nak tahu jenis sekolah apa sesuai dibina di situ," katanya kepada Bernama selepas program "Hello Malaysia" di Bernama TV.

Tidak menafikan ada pihak yang akan mengambil kesempatan pada hari banci akan datang, Wan Ramlah meminta orang ramai memastikan pembanci bukannya palsu.

"Orang ramai mesti lihat autoriti kad pada pembanci tersebut yang mana kad mempunyai tandatangan penguasa daerah kawasan yang dibanci," katanya.

Bagi mereka yang sibuk, khususnya yang tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur, orang ramai boleh menggunakan perkhidmatan e-census untuk memudahkan mereka memberikan maklumat, katanya.